Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| AKHBAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 3/1/2020 | MUKA SURAT | : | 20 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

# Ular sawa kekenyangan di atas bumbung kandang

**MERSING -** Seekor ular sawa seberat 80 kilogram (kg) berjaya ditangkap selepas ditemui melingkar di atas bumbung kandang kambing di Kampung Air Papan Tengah di sini malam kelmarin.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Mersing, Kapten (PA) Nurnajibah Abdullah berkata, operasi menangkap reptilia itu dilakukan sebaik menerima laporan penduduk kampung kira-kira jam 11.42 malam.

Menurutnya, tiga anggota APM yang diketuai Leftenan Madya (PA) Mohd Syaful Bahri Sarmin terbabit dalam operasi menangkap haiwan berkenaan.

"Sebaik tiba di lokasi, anggota APM mendapati terdapat seekor ular sawa dianggarkan sepanjang lima meter berada di atas bumbung kandang kambing itu.

"Menerusi maklumat pengadu, ular itu juga dipercayai telah membaham seekor ayam peliharaannya.

"Ular ditangkap itu berada di Pusat Kawalan Operasi Daerah APM Mersing dan akan diserahkan ke Jabatan Perhilitan," katanya dalam di sini semalam.



Anggota APM menunjukkan ular sawa seberat 80 kilogram yang berjaya ditangkap kelmarin.